

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 2 / 11 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 54 | RUANGAN | Setempat |

Bawa pulang jemaah haji sakit

SEPANG: "Jemaah haji Malaysia yang menerima rawatan di hospital Tabung Haji dan kerajaan Arab Saudi akan dibawa pulang ke tanah air mengikut tahap kesihatan masing-masing," kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Menurutnya, 132 jemaah dengan 117 daripadanya menerima rawatan di hospital Tabung Haji, manakala selebihnya ditempatkan di hos-



JAMIL KHIR...bawa pulang

pital milik kerajaan Arab Saudi.

"Kebanyakan jemaah terbabit dimasukkan ke hospital berikutan sakit paru-paru berair, selain mereka yang mengidap penyakit berat iaitu sakit jantung.

"Pada masa sama, kami menempatkan jemaah haji di hospital milik kerajaan Arab Saudi kerana kemudahan rawatan diperlukan pesakit itu tidak mencukupi di hospital Tabung Haji.

"Bagi kes kematian membaikkan 31 jemaah kita, sekali gus menunjukkan pengurangan berbanding pada tahun lalu," katanya pada sidang media sebaik tiba daripada mengerjakan haji di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Jamil Khir berkata, pegawai kesihatan dan pihak Tabung Haji akan memantau dan mengikuti perkembangan pesakit terbabit setiap hari.